

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRAJAYA]**

TARIKH SOALAN : **30 OKTOBER 2019**

SOALAN NO. 4

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan usaha-usaha pihak Kementerian dalam membantu usahawan muda terutamanya dari luar bandar Sarawak dalam memasarkan serta meningkatkan kualiti produk mereka untuk dipasarkan ke pasaran yang lebih besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sememangnya menggalakkan pembangunan keusahawanan kepada usahawan pelbagai peringkat termasuklah usahawan di negeri Sarawak. Perkara ini adalah selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang telah dilancarkan oleh Kementerian.

2. Antara strategi/inisiatif yang telah dilaksanakan oleh MED bagi golongan usahawan muda di Sarawak untuk membantu pemasaran dan peningkatan kualiti produk usahawan ke pasaran lebih besar adalah seperti berikut :

- (i) Menyediakan program latihan dan bimbingan secara khusus. Sebagai contoh, program-program pensijilan halal melalui agensi MED.

NO. SOALAN : 4

- (ii) Menawarkan khidmat nasihat bagi proses pensijilan, pembungkusan dan penjenamaan.
- (iii) Melaksanakan sesi padanan perniagaan (*business matching*) semasa program-program di bawah MED; dan
- (iv) Menyediakan akses pasaran melalui TEKUN Mart (di bawah TEKUN Nasional) dan Coop-Mart (Suruhanjaya Koperasi Malaysia) untuk pemasaran produk koperasi.

3. Bagi produk kraf tangan di Sarawak, Kementerian menyokong dan memberi galakan bagi pendaftaran harta intelek (*intellectual property*) bagi melindungi hak reka cipta produk-produk tersebut. Dari aspek penjanaaan idea kreatif serta meningkatkan peluang untuk mengembangkan pasaran ke peringkat antarabangsa, MED telah menyediakan pelbagai platform serta program latihan dan bimbingan melalui agensi di bawah MED.

4. Pada peringkat ini juga, Kementerian sedang mengumpul maklumat untuk mengenal pasti industri yang dominan untuk ditumpukan bagi menjayakan Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI).

Sekian, terima kasih.